

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP**
[SEKIJANG]

SOALAN :

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan memandangkan negara telah mengalami beberapa bencana alam seperti banjir dan ribut yang tidak dijangka apakah langkah Kerajaan bagi memastikan bantuan kecemasan diberikan dengan kadar segera.

JAWAPAN : YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sangat komited dalam menangani beberapa bencana alam yang tidak dijangka seperti banjir dan ribut taufan terutamanya dalam memberikan bantuan kecemasan serta-merta apabila berlakunya bencana alam yang di luar kawalan.

Agensi yang bertanggungjawab terhadap bekalan, perkhidmatan dan pusat pemindahan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah diminta untuk mempertingkatkan keupayaan dan mengambil langkah-langkah penambahbaikan segera untuk memastikan kelangsungan bekalan dan perkhidmatan tidak terjejas semasa operasi bantuan kecemasan.

Pendekatan telah diambil adalah penyediaan pusat pemindahan yang boleh menampung kapasiti mangsa dalam bilangan yang besar, sebagai contoh, pusat pemindahan yang boleh menampung bilangan mangsa seramai 2,000 orang mangsa atau lebih.

Bagi penyediaan makanan, ia akan diselaraskan terus oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dengan penglibatan agensi-agensi berkeupayaan seperti Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan bantuan tenaga sukarelawan bagi membantu tugas penyediaan makanan yang mungkin tidak termampu untuk dilaksanakan oleh pihak JKM secara bersendirian.

Sekian, Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP
DARIPADA [SEKIJANG]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] minta MENTERI
PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) berikutan dengan insiden soalan bocor UPSR baru-baru ini apakah hukuman yang paling berat diperuntukkan bagi kesalahan pecah amanah membocorkan maklumat penting institusi pendidikan negara; dan
- (b) berapakah jumlah kes sebegini sejak 2008-2013.

JAWAPAN

- (a) Kejadian yang berlaku ini amat mendukacitakan semua pihak, dan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat dua laporan polis supaya satu siasatan menyeluruh dapat dilakukan dengan serta merta. KPM yakin pihak berkuasa akan dapat merungkai punca berlakunya kebocoran kertas peperiksaan UPSR tersebut dan mengambil tindakan sewajarnya mengikut lunas perundangan sedia ada. Dalam hal ini, KPM tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak terlibat dan bertanggungjawab dalam perkara ini, dan akan mengambil tindakan ke atas pegawai KPM, jika mereka terlibat dan disabitkan bersalah oleh pihak berkuasa mengikut Peraturan-Peraturan